

Newspaper: Kosmo

Published: Tuesday June 21, 2011

Title: Tampung 60,000 trafik sehari

Niaga



GETAH (SMR 20)	RM13.86/kg	TIMAH	ASS24,800/tan
MINYAK SAWIT (OGOS 11)	RM3,205/tan	EMAS	RM150.31/gram

KOSMO! SELASA 21 JUN 2011 Kirimkan maklumat dan maklum balas kepada: [ekonomi@kosmo.com.my](mailto:ekonomi@kosmo.com.my) Faks: 03-9221 8590

Miliki tiga plaza tol, guna sistem tol terbuka pada kadar rata

## Tampung 60,000 trafik sehari

**Oleh IKHWAN IDERIS**  
ikhwan.ideris@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** - Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR Expressway) yang telah siap 99 peratus dan dijangka dibuka dalam masa terdekat ini bakal menampung keperluan lebih daripada 60,000 kenderaan sehari.

Ketua Pegawai Eksekutif KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (KLSEB) yang merupakan pemegang konsesi LATAR Expressway, Amran Amir berkata, jumlah tersebut akan bertambah pada kadar purata lima peratus setahun untuk tempoh sepuluh tahun pertama seiring dengan pertumbuhan penduduk dan pembangunan di kawasan sekitar.

"Ia akan meningkat terutamanya apabila siap sambungan kepada Jalan Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR) di penghujung LATAR Expressway di sebelah Gombak dan pembinaan Lebuhraya Pantai Barat yang bersambung dengan LATAR Expressway di Ijok," katanya pada sidang akhbar sempena sesi lawatan media ke lebuhraya terbaharu itu di sini



**AMRAN**



**LEBUH RAYA LATAR Expressway yang akan memudahkan perjalanan penduduk di sekitar Kuala Selangor ke pusat bandar yang akan dibuka tidak lama lagi.**

Raya Pantai Barat yang bakal dibina pada masa depan.

Lebuhraya berkenaan yang mengambil masa perjalanan selama 18 minit dari hujung ke hujung itu turut menawarkan akses dan perjalanan yang lancar kepada penduduk bandar baru Puncak Alam, Shah Alam, Bukit Jelutong, Rawang dan Selayang untuk ke Petaling Jaya dan pusat bandar.

Menurut Amran, pembinaan lebuhraya yang bernilai RM958 juta itu dijangka memberi pulangan modal kepada syarikat dalam masa antara 15 hingga 20 tahun.

Katanya, tempoh tersebut dilihat agak lama kerana ia tidak seperti lebuhraya di kawasan berdekatan di samping LATAR Expressway bukan berada dalam kawasan yang telah membangun dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

**INFO**

- Sepanjang 33 kilometer dari Taman Rimba Templer, Gombak sehingga Ijok, Kuala Selangor.
- 18 minit diperlukan untuk bergerak dari hujung ke hujung.
- Mempunyai dua laluan sehalu
- Merupakan sebahagian daripada Jalan Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR).
- Mempunyai tiga plaza tol sehalu dengan sistem tol terbuka.
- Mempunyai empat laluan keluar iaitu di Ijok, Puncak Alam, Kuang dan Taman Rimba Templer.
- Menggunakan tenaga kerja lebih daripada 170 orang anak tempatan.
- KLSEB diberikan konsesi selama 40 tahun, termasuk tiga tahun pembinaan bermula 28 Oktober 2008.

Mengulas lanjut, LATAR Expressway menggunakan sistem tol terbuka yang memberikan kadar rata dan mempunyai tiga plaza tol di setiap arah.

Ia turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti telefon kecemasan, kamera litar tertutup serta hentian rawat dan rihat.